

MESYUARAT PENYEDIAAN POLISI SERTA GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN UniMAP

Unit Penyelidikan & Pembangunan UniMAP sekali lagi, mengorak langkah bagi memperkukuhkan bidang penyelidikan di UniMAP dengan menganjurkan, Mesyuarat Penyediaan Polisi serta Garis Panduan Penyelidikan. Seperti yang kita sedia maklum, UniMAP merupakan diantara Universiti yang masih baru tetapi bukan dalam bidang penyelidikannya yang telah membuka mata Universiti lain dimana kemenangan demi kemenangan diraih, yang bukannya hanya di dalam negara malahan dari luar.

Mesyuarat Penyediaan Polisi serta Garis Panduan Penyelidikan ini telah berlansung selama 3 hari bermula dari 28 Julai hingga 30 Julai 2006 di Hotel Bella Vista Langkawi yang di hadiri oleh ketua ketua kluster, dekan serta timbalan dekan. Mesyuarat ini terbahagi kepada 2 kumpulan yang di pengerusikan oleh Dekan Unit Penyelidikan & Pembangunan, Prof. Madya Dr. Uda Hashim serta Timbalan Dekan Unit Penyelidikan & Pembangunan, Prof. Madya Dr. Mohd. Yusoff Mashor.

Terdapat 6 topik yang diperbincangkan dan ianya adalah Polisi IP, Garis Panduan Pembantu Siswazah, Garis panduan Pembantu Penyelidik & Pegawai Penyelidik, Polisi Pameran, Garis Panduan Geran Luar serta Garis Panduan Geran Jangka Pendek UniMAP. Selama 2 hari diperuntukkan untuk sesi perbincangan dan pada hari terakhir adalah hari untuk pembentangan.

Unit Penyelidikan & Pembangunan amat berbesar hati kerana mendapat kunjungan daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal yang turut memberikan informasi serta idea untuk dibincang di dalam mesyuarat penyediaan ini.

Secara kasarnya untuk Mesyuarat Penyediaan Polisi serta garis Panduan ini telah menelan belanja sebanyak RM 7,550.00 dan ianya termasuk bilik penginapan, pengangkutan, makanan dan lain lain kemudahan yang diperlukan semasa mesyuarat ini berlansung. Di sebelah adalah jumlah kos yang di peruntukan untuk pameran ini.

Diharapkan dengan penyediaan polisi serta garis panduan ini dapat meningkatkan lagi pemahaman para penyelidik serta dapat meningkatkan mutu penyelidikan di kalangan warga UniMAP khasnya. Semoga ia dapat menjadi titik permulaan kepada ketamadunan penyelidikan di UniMAP